

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-.

- (a) berapa jumlah kes buli siber yang telah dilaporkan kepada pihak Kementerian; dan
- (b) apakah usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang perbuatan buli siber.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua aduan yang diterima disusuli tindakan oleh pihak SKMM, termasuklah pemberian nasihat atau panduan kepada pihak yang terkesan, merujuk kepada penyedia platform media sosial yang terlibat untuk penelitian lanjut berasaskan terma perkhidmatan dan piawaian komuniti mereka, serta siasatan terhadap kandungan yang didapati melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang melarang penyebaran kandungan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya, **dengan niat** untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain. Aduan yang berada di luar bidang kuasa SKMM akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan, dan bantuan teknikal akan diberikan kepada pihak mereka.

Pihak SKMM telah menerima sebanyak **10,406** aduan awam secara umum yang berkait dengan gangguan atau "*harassment*" (dengan izin) yang dilakukan secara dalam talian, yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu daripada tahun 2016 sehingga September 2020.

Dalam tempoh tersebut, secara umumnya sejumlah **796** kes berhubung penyalahgunaan media sosial telah disiasat oleh pihak SKMM yang melibatkan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 233 AKM 1998, dan **56** kes daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buli siber merupakan satu ancaman siber yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak, terutamanya di kalangan pengguna media sosial. Kawalan sendiri atau *self-regulation* (dengan izin) dengan membudayakan penggunaan internet secara positif berteraskan 3 aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab oleh pengguna media sosial adalah

penting bagi melindungi diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling daripada paparan kandungan-kandungan berbentuk negatif.

Antara pendekatan proaktif yang digunakan adalah mendidik orang ramai supaya menjadi pengguna platform media sosial yang berhemah menerusi advokasi. Sebagai contoh, pihak Kementerian melalui SKMM dan Cyber Security Malaysia (CSM) telah menggerakkan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan secara bijaksana dan berhemah dalam kalangan pengguna media sosial. Program CyberSAFE (Cyber Security Awareness for Everyone), Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional (MKKSN) dan program advokasi seperti Klik dengan Bijak (KDB), Hentikan Buli Siber dan Berita Palsu giat dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab.

Di samping itu, Kementerian juga telah berkolaborasi dengan Universiti Multimedia (MMU) untuk menjalankan penyelidikan berkaitan undang-undang antibuli siber. Hasil penyelidikan tersebut akan membantu dalam membangunkan rangka kerja sesuai berkaitan mekanisme terbaik bagi menangani isu buli siber, serta dalam merangka undang-undang antibuli siber dengan turut mempertimbangkan prosedur pembebanan bukti, pendakwaan dan sebagainya yang komprehensif serta mempermudah prosedur pendakwaan untuk dibuat ke atas mana-mana pembuli siber.